

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN NO. 263

DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah bangunan baru unit kecemasan dan trauma Klinik Kuala Kangsar masih belum dibina walaupun bajetnya telah diluluskan sejak Rancangan Malaysia Ke-10 lagi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah meluluskan projek pembinaan Naiktaraf Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Kuala Kangsar, Perak dengan kos sebanyak RM7 juta dan seterusnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana projek ini yang mana projek ini akan dilaksanakan secara Konvensional Dalaman JKR.

Pada masa ini, pihak KKM telah menerima anggaran kos pembinaan daripada pihak JKR yang mana telah melebihi kos yang diluluskan oleh MEA. Oleh yang demikian, KKM sedang mengenal pasti kaedah terbaik untuk memenuhi keperluan peruntukan untuk pembinaan projek ini agar dapat direalisasikan untuk kemudahan penduduk Kuala Kangsar.

Walau bagaimanapun, projek belum dimulakan pelaksanaannya kerana berlaku peningkatan kos dan pada masa kini, pihak JKR sedang menyediakan PDA terkini projek sebelum kelulusan dipohon daripada MEA. Sekian, terima kasih.